



## Asian Social Work Journal (ASW)

Volume 1, Issue 1, May 2016

Journal home page:  
[www.msocialwork.com](http://www.msocialwork.com)

### **Pengaruh Personaliti Perfeksionisme Terhadap Daya Tindak Diadik dalam Perkahwinan: Suatu Kertas Konseptual**

**Siti Nurraihan Firdaus Binti Abdul Razak, Suzana Mohd Hoesni, Rozmi Ismail, Ezarina Zakaria**

<sup>1</sup>Jabatan Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Siti Nurraihan Firdaus ([sitinurraihan86@gmail.com](mailto:sitinurraihan86@gmail.com))

#### **Abstrak**

Perceraian dan keruntuhan institusi perkahwinan merupakan suatu isu global yang sering mendapat perhatian pelbagai pihak. Oleh kerana keluarga yang berkualiti adalah pemangkin kepada kemajuan sesebuah masyarakat, penekanan perlu diberikan kepada aspek daya tindak dalam kalangan suami isteri sewaktu menangani tekanan yang timbul. Hasil penelitian mendapat kajian berkenaan daya tindak diadik dalam perkahwinan semakin mendapat perhatian pengkaji. Banyak kajian terdahulu menunjukkan bahawa faktor personaliti memainkan peranan dalam menentukan tindakan yang diambil oleh seseorang individu. Akan tetapi, penyelidikan terdahulu lebih memberi penekanan kepada teori personaliti lima besar berbanding tiga personaliti yang lain seperti personaliti perfeksionisme. Dapatkan kajian terdahulu membuktikan wujudnya perkaitan antara personaliti perfeksionisme dengan pelbagai aspek kehidupan terutamanya dari segi kesihatan mental dan kualiti perkahwinan. Namun, sejauhmana pengaruh personaliti perfeksionisme terhadap daya tindak diadik dalam perkahwinan masih menjadi persoalan. Oleh yang demikian, kertas konseptual ini akan membincangkan potensi personaliti perfeksionisme dalam mempengaruhi daya tindak diadik berdasarkan hasil kajian terdahulu. Seterusnya, implikasi dan kepentingan kajian turut dibincangkan dalam usaha untuk menggalakkan pasangan suami isteri mengambil daya tindak yang lebih efektif sekaligus mengekalkan keharmonian dalam perkahwinan.

**Kata kunci:** personaliti perfeksionisme, daya tindak diadik, perkahwinan, komunikasi

### **The Influence of Perfectionism Personality Towards Dyadic Coping within Marriage: A Conceptual Paper**

#### **Abstract**

Divorce and the collapse of marital institutions are global issues which draws attention from many parties. As a result of the existence of quality family being a catalyst in the development of society, emphasis should be made to aspects of coping among married couples, especially during handling arising stress. Results show that research relating to dyadic coping within marriage has gradually gained attention from researchers. Many previous research indicate that personality has been a contributing factor in determining the actions taken by an individual. However, previous research has focused more on the five big traits compared to other types of personality such as perfectionism.

Previous research has proved the existence of relationship between perfectionism personality with other aspects of life especially mental health and marital satisfaction. On the other hand, how much perfectionism personality influence dyadic coping within marriage still remains a question. Hence, this conceptual paper will discuss on the potential of perfectionism personality influence dyadic coping based on previous research. Eventually, implication and the importance of this study will also be discussed in the effort to encourage married couples to apply effective coping while retaining a harmonious marriage.

**Key words:** perfectionism personality, dyadic coping, marriage, communication

---

## Pengenalan

Perkembangan pesat yang berlaku pada masa kini menuntut setiap individu untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan keupayaan dalam menangani segala bentuk cabaran yang mendarat. Kemahiran mengimbangi tuntutan kerja-keluarga adalah suatu aspek kritikal yang sering diberi penekanan dalam membantu individu menggalas pelbagai tanggungjawab secara efektif. Walau bagaimanapun, kebanyakannya keluarga dwikerjaya pada masa kini dilaporkan menghadapi masalah untuk mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2013). Tambah membimbangkan apabila statistik perceraian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (2015) membuktikan jumlah perceraian semakin meningkat saban tahun. Menyedari hakikat ini, pelbagai usaha dilaksanakan oleh pihak yang berwajib bertujuan untuk membendung masalah yang semakin serius dalam institusi perkahwinan di Malaysia. Selain itu, tidak dinafikan bahawa tekanan dan konflik dalam perkahwinan adalah perkara yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan berkeluarga. Maka, pendekatan yang diambil oleh pasangan suami isteri dalam menyelesaikan masalah yang timbul perlu diberi perhatian lebih serius. Hal ini kerana, konflik dalam perkahwinan bukan sahaja memberi impak kepada individu, malah turut mempengaruhi anak-anak dan ahli keluarga (Birditt, Brown, Orbuch, & McIlvane, 2010; Tam, Lee, Foo, & Lim, 2011).

Ramai pengkaji terdahulu memberi tumpuan kepada faktor yang mempengaruhi tindakan pasangan suami isteri dalam menangani konflik perkahwinan (Alexander, 2008; Liang-Jei Lee, 1994; Sangeeta Banerjee & Jayanti Basu, 2014). Hal ini kerana pendekatan pasangan dalam menangani masalah dan kemahiran komunikasi memainkan peranan yang signifikan terhadap kualiti perkahwinan (Tam et al., 2011). Antara faktor yang sering mendapat perhatian ialah faktor personaliti. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada lima tret personaliti yang diperkenalkan Model Personaliti Lima Faktor (Costa & McCrae, 1985) iaitu keterbukaan, kehematan, ekstraversi, kepersetujuan dan kestabilan emosi. Keadaan ini menyebabkan pengaruh tret personaliti yang lain masih terhad dan perlu dikaji secara lebih mendalam. Salah satu tret personaliti yang masih kurang dikaji ialah personaliti perfeksionisme. Kajian terdahulu menunjukkan personaliti perfeksionisme mempengaruhi pelbagai aspek dalam kehidupan seharian dan kesihatan mental individu (Aminah Ahmad & Noryati Ngah, 2011; Dunkley, Sanislow, Grilo, & McGlashan, 2006; Redhwan Ahmed Al-Naggar, Yuri V Bobryshev, & Mustafa Alabsi, 2013). Namun, peranan personaliti perfeksionisme dalam konteks perkahwinan masih terlalu kabur dan memerlukan kajian lanjut.

Pada masa yang sama, kajian berkenaan daya tindak dalam perkahwinan lebih memfokuskan kepada daya tindak individu berbanding daya tindak diadik. Walhal terdapat hasil kajian yang menunjukkan daya tindak diadik lebih berperanan dalam mempengaruhi kualiti perkahwinan (Herzberg, 2013). Daya tindak diadik yang efektif bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan, malah dapat meningkatkan kesejahteraan perkahwinan dan menguatkan rasa kekitaan antara pasangan suami isteri (Wunderer & Schneewind, 2008). Justeru, kertas konseptual ini bertujuan untuk membincangkan potensi pengaruh personaliti perfeksionisme terhadap daya tindak diadik dalam perkahwinan.

## Definisi dan Konsep Personaliti Perfeksionisme

Menurut teori 16 Faktor Personaliti oleh Cattell, Eber, dan Tatsuoka (1970), individu yang mempunyai personaliti perfeksionisme yang tinggi sering mementingkan kesempurnaan, teratur, kompulsif, berdisiplin dan bersifat mengawal. Manakala individu yang rendah perfeksionisme adalah seorang yang fleksibel, tidak berdisiplin, tidak terkawal dan impulsif. Seterusnya, terdapat pelbagai pendapat dan definisi yang diutarakan oleh pengkaji berkaitan dimensi perfeksionisme. Perbincangan berkenaan konsep personaliti perfeksionisme juga berpendapat bahawa tret personaliti ini bersifat multidimensi.

Terdapat pelbagai istilah digunakan dalam menjelaskan konsep personaliti perfeksionisme. Hamachek (1978) berpendapat bahawa terdapat dua bentuk perfeksionisme iaitu perfeksionisme normal dan perfeksionisme neurotik. Individu yang mempunyai personaliti perfeksionisme normal sering meletakkan jangkaan yang realistik untuk dicapai oleh dirinya dan masih mampu berpuas hati serta menerima kekurangan atau ketidaksempurnaan dalam perkara yang dilakukan. Personaliti perfeksionisme neurotik adalah merujuk kepada seseorang yang meletakkan jangkaan yang tidak mampu dicapai serta tidak dapat menerima sebarang bentuk kesilapan walaupun hanya kesilapan kecil. Seterusnya Slaney, Ashby, dan Trippi (1995) pula mengelaskan personaliti perfeksionisme kepada perfeksionisme adaptif dan maladaptif. Konsep personaliti perfeksionisme normal dan adaptif berkait rapat antara satu sama lain, begitu juga dengan personaliti perfeksionisme neurotik dan maladaptif. Manakala Stoeber dan Otto (2006) pula menyatakan dua bentuk personaliti perfeksionisme iaitu berusaha mementingkan kesempurnaan (perfectionistic strivings) yang berkait dengan perfeksionisme normal dan keimbangan mementingkan kesempurnaan (perfectionistic concerns) yang dikaitkan dengan perfeksionisme neurotik. Berdasarkan pengertian yang dinyatakan oleh para pengkaji, personaliti perfeksionisme mempunyai dua dimensi yang berbeza iaitu personaliti yang positif dan negatif.

Seterusnya, Frost, Marten, Lahart, dan Rosenblate (1990) menjelaskan bahawa terdapat enam dimensi personaliti perfeksionisme iaitu keimbangan melakukan kesilapan, meletakkan tahap yang tinggi untuk dicapai, mempersepsikan bahawa ibubapa meletakkan jangkaan yang tinggi dan cenderung untuk mengkritik, meragui kualiti tindakan seseorang dan kecenderungan untuk mengikut turutan dan organisasi. Berdasarkan pengertian Frost, ciri utama dalam menjelaskan personaliti perfeksionisme adalah berkenaan meletakkan jangkaan yang terlalu tinggi dan keimbangan melakukan kesilapan. Hewitt dan Flett (1991) pula telah mendefinisikan personaliti perfeksionisme berdasarkan konteks personal dan sosial. Terdapat tiga dimensi perfeksionisme iaitu perfeksionisme berorientasikan kendiri (self-oriented perfectionism), perfeksionisme berorientasikan orang lain (other-oriented perfectionism) dan perfeksionisme yang ditetapkan oleh sosial (socially prescribed perfectionism). Perfeksionisme berorientasikan kendiri adalah merujuk kepada kepercayaan dalaman seseorang untuk berusaha mencapai kesempurnaan dan berpendapat bahawa menjadi sempurna adalah suatu perkara yang penting. Individu yang tinggi perfeksionisme dimensi ini akan cenderung untuk meletakkan jangkaan yang tinggi untuk dicapai oleh dirinya. Perfeksionisme berorientasikan orang lain pula adalah menjangkakan prestasi yang tinggi dan kesempurnaan daripada orang lain manakala perfeksionisme yang ditetapkan oleh sosial adalah berkaitan kepercayaan bahawa orang lain mempunyai jangkaan yang tinggi dan kesempurnaan terhadap dirinya. Habke, Hewitt, dan Flett (1999) menyatakan bahawa istilah orang lain adalah merujuk kepada pasangan dalam sebuah perhubungan.

## Daya tindak diadik

Apabila membincangkan cara menangani tekanan dalam sebuah perhubungan, peranan pasangan tidak dapat dinafikan. Menurut Bodenmann (2005), terdapat tiga pendekatan yang boleh dikaji dalam memahami daya tindak antara pasangan iaitu daya tindak individu, daya tindak diadik dan sokongan sosial. Secara asasnya, definisi daya tindak menurut Lazarus dan Folkman (1984) adalah merujuk kepada usaha kognitif dan tingkah laku yang sentiasa berubah untuk menangani tuntutan dalaman atau luaran tertentu yang dinilai sebagai meletihkan ataupun melebihi sumber seseorang. Konsep tersebut seterusnya dikembangkan untuk melihat daya tindak yang diambil oleh setiap ahli dalam sesebuah perhubungan atau diad dan dikenali sebagai daya tindak diadik.

Terdapat dua pendekatan yang digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam menerangkan konsep daya tindak diadik iaitu pendekatan perbandingan dan pendekatan sistemik. Pendekatan perbandingan merujuk kepada persamaan atau perbezaan strategi daya tindak yang diambil oleh kedua-dua pasangan apabila menghadapi tekanan (Barbarin, Hughes, & Chesler, 1985). Manakala pendekatan secara sistemik pula merujuk kepada proses komunikasi yang berlaku antara pasangan apabila berhadapan dengan masalah. Sewaktu mengalami tekanan, individu akan cuba menyampaikan isyarat atau meluahkan masalah yang dihadapi kepada pasangannya. Seterusnya pasangan tersebut akan cuba untuk menterjemah segala maklumat yang disampaikan dan memberi respon secara positif atau pun negatif. Segala tingkah laku yang ditunjukkan oleh pasangan akan dinilai atau dipersepsikan sama ada membantu atau pun tidak dalam proses penyelesaian masalah. Kitaran yang berlaku ini dikenali sebagai daya tindak diadik menurut pendekatan secara sistemik.

Menurut Bodenmann (2005), terdapat dua bentuk daya tindak diadik iaitu daya tindak diadik positif dan daya tindak diadik negatif. Daya tindak diadik yang positif terdiri daripada tiga bentuk daya tindak iaitu sokongan, diwakilkan (delegated) dan daya tindak biasa (common dyadic coping). Daya tindak diadik berbentuk sokongan bermaksud pasangan menunjukkan empati, kesepaduan atau bantuan untuk mengkaji masalah dari perspektif yang lebih baik. Daya tindak diadik berbentuk diwakilkan pula adalah pasangan mengambil alih tanggungjawab yang biasa dilakukan oleh pasangannya untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi. Daya tindak diadik yang biasa berlaku apabila kedua-dua pasangan berusaha untuk menangani tekanan secara bersama. Manakala daya tindak diadik negatif pula merujuk kepada pasangan memberi sokongan dalam keadaan terpaksa, berpura-pura atau pun tidak ikhlas. Secara keseluruhan, daya tindak diadik adalah berkaitan penilaian terhadap daya tindak individu, persepsi berkenaan daya tindak pasangannya dan tindakan bersama dalam menangani masalah. Hasil kajian oleh Bodenmann, Meuwly, dan Kayser (2011) mendapatkan pendekatan sistemik dapat menerangkan konsep daya tindak diadik dengan lebih baik serta merupakan peramal yang lebih signifikan terhadap kepuasan perkahwinan. Malah, pendekatan secara sistemik semakin mendapat perhatian daripada ramai pengkaji pada masa kini dalam mendalami konsep daya tindak diadik.

## **Tinjauan kajian lepas**

Faktor personaliti dan daya tindak sewaktu menghadapi masalah merupakan elemen penting dalam mencorakkan kualiti kehidupan. Perkaitan personaliti perfeksionisme dengan daya tindak individu telah banyak dilaporkan dalam kajian terdahulu serta melibatkan pelbagai golongan sebagai subjek kajian. Hasil kajian lepas memperoleh perkaitan yang signifikan antara personaliti perfeksionisme dan daya tindak yang diambil oleh seseorang individu dalam menangani tekanan. (Larijani & Besharat, 2010; Noble, Ashby, & Gnilk, 2014; Park, Paul, & Lee, 2010; Weiner & Carton, 2012). Seseorang yang mempunyai personaliti perfeksionisme juga cenderung untuk mengambil daya tindak mengelak dan mempunyai persepsi negatif terhadap sokongan yang diberikan (Dunkley et al., 2006).

Dalam konteks sebuah perhubungan, penyelidikan oleh Haring, Hewitt and Flett (2003) mendapatkan individu yang mempunyai personaliti perfeksionisme yang ditetapkan oleh sosial cenderung untuk mengamalkan daya tindak negatif. Ini bermakna suami isteri yang percaya bahawa pasangan mereka meletakkan standard yang tinggi terhadap diri mereka kerap mengambil tindakan seperti menyindir, membebela dan menyalahkan pasangan mereka. Manakala hasil kajian oleh Martin dan Ashby (2004) terhadap 200 orang mahasiswa menunjukkan individu yang mempunyai personaliti perfeksionisme maladaptif mengalami ketakutan terhadap keintiman yang lebih tinggi berbanding individu yang nonperfectionist. Ini bermakna seseorang yang mempunyai jangkaan yang terlalu tinggi dan sering berasa gagal dalam mencapai standard lebih berpotensi untuk mengalami masalah dalam sesebuah perhubungan.

Berdasarkan kajian Arcuri (2013), aspek personaliti perfeksionisme didapati mempengaruhi corak komunikasi serta kualiti perhubungan. Kajian yang dijalankan ke atas 113 pasangan di Kanada mendapatkan individu yang mempunyai perfeksionisme maladaptif gemar untuk mendesak, menarik diri atau mengelak sewaktu berkomunikasi dengan pasangan. Manakala individu yang memiliki personaliti

perfeksionisme adaptif mengamalkan komunikasi yang konstruktif. Sherry et al. (2014) pula telah menjalankan suatu kajian berbentuk longitudinal untuk mengkaji pengaruh personaliti perfeksionisme yang ditetapkan sosial terhadap tingkah laku dalam konflik sehari-hari. Seramai 226 pasangan telah melibatkan diri dalam kajian ini dan setiap responden perlu mengisi maklumat secara atas talian berkenaan konflik harian dengan pasangan selama 14 hari berturut-turut. Dapatkan kajian menunjukkan dimensi personaliti perfeksionisme mempengaruhi konflik harian khususnya bagi lelaki. Ini bermakna lelaki yang percaya bahawa pasangan mereka menjangkakan kesempurnaan daripada diri mereka mengalami keimbangan yang lebih tinggi berkaitan konflik dengan pasangannya seterusnya lebih kerap mengamalkan tingkah laku yang merugikan diri sendiri dalam komunikasi interpersonal. Mereka juga lebih mudah berasa tertekan untuk memenuhi kehendak pasangan serta mempamerkan tingkah laku yang tidak bertimbang rasa, penolakan dan tidak mesra dengan pasangannya.

## **Perbincangan**

Objektif utama kertas konseptual ini adalah untuk membincangkan potensi pengaruh personaliti perfeksionisme terhadap daya tindak diadik dalam konteks perkahwinan. Berdasarkan dapatkan kajian lepas, personaliti perfeksionisme dan daya tindak individu didapati saling berhubung kait. Hasil kajian juga menunjukkan seseorang yang mempunyai personaliti perfeksionisme positif atau adaptif akan mengambil pendekatan yang lebih berkesan sewaktu proses menyelesaikan masalah serta mampu berkomunikasi secara konstruktif dengan pasangan berbanding individu yang mempunyai personaliti perfeksionisme maladaptif. Dapatkan seumpama ini membuktikan personaliti perfeksionisme yang dimiliki oleh seseorang individu memainkan peranan dalam menentukan tingkah laku atau pendekatan yang diambil dalam menyelesaikan konflik yang berlaku. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu lebih banyak dilaksanakan di luar konteks perkahwinan manakala kajian yang memfokuskan perkaitan antara personaliti perfeksionisme dan daya tindak dalam perhubungan masih kurang. Malah, kajian yang meneroka hubungan antara personaliti perfeksionisme dan daya tindak diadik secara khusus adalah terlalu terhad. Keadaan ini membawa kepada persoalan tentang sejahteran hubungan antara personaliti perfeksionisme dan daya tindak diadik dalam konteks sebuah perkahwinan atau perhubungan. Perkara ini wajar diberi perhatian memandangkan peranan pasangan dalam menangani suatu krisis atau tekanan tidak boleh diketepikan. Bahkan pasangan adalah individu yang signifikan dalam membantu seseorang bertindak atau mengambil pendekatan tertentu.

Selain itu, implikasi kajian berkenaan faktor yang mempengaruhi daya tindak dalam perkahwinan akan dapat membantu menggalakkan pasangan suami isteri mengamalkan pendekatan yang efektif dan lebih peka sewaktu berkomunikasi dengan pasangan. Suatu proses komunikasi bukan hanya melibatkan komunikasi secara lisan bahkan melibatkan bahasa badan, nada suara serta persepsi terhadap tingkah laku yang ditunjukkan. Oleh itu, menjadi suatu keperluan untuk menekankan perihal pengaruh personaliti dan daya tindak diadik dalam perhubungan atau perkahwinan. Aspek ini perlu diambil kira dalam usaha membantu pasangan suami isteri atau pasangan yang sedang mengalami konflik perkahwinan.

## **Kesimpulan**

Kemampuan pasangan suami isteri menangani konflik secara berkesan adalah amat signifikan bagi memastikan kualiti perkahwinan yang baik sekaligus memberi impak positif terhadap kesihatan mental. Pada masa yang sama, faktor personaliti didapati mempengaruhi cara individu berfikir dan bertindak. Personaliti perfeksionisme adalah berkaitan dengan jangkaan seseorang individu yang seterusnya akan mencorakkan gaya komunikasi individu tersebut dengan orang lain. Justeru, adalah kritikal bagi pekerja sosial dan pihak yang terlibat dalam mengendalikan konflik perkahwinan atau keluarga untuk mengambil kira personaliti perfeksionisme klien. Kepentingan memahami jenis personaliti perfeksionisme klien akan membantu pekerja sosial mengoptimalkan keupayaan diri klien agar dapat berkomunikasi dan menangani krisis dengan lebih baik. Penekanan berkenaan faktor yang mempengaruhi daya tindak dalam kalangan suami isteri adalah relevan untuk dikaji secara mendalam sejajar dengan isu keruntuhan institusi perkahwinan yang semakin meruncing. Tambahan pula, jumlah

perceraian bukanlah indikator mutlak bagi menggambarkan kualiti perkahwinan. Suatu perkara yang lebih penting adalah memastikan pasangan suami isteri dapat menghadapi tekanan dan cabaran yang mendarat secara positif tanpa menggugat keharmonian keluarga. Dalam erti kata lain, memastikan kebahagiaan dan kesejahteraan perkahwinan adalah matlamat yang lebih utama. Oleh yang demikian, segala faktor yang berpotensi untuk menentukan daya tindak diadik dalam kalangan pasangan suami isteri perlu dikaji dengan lebih serius.

## Rujukan

- Alexander, A. L. (2008). Relationship resources for coping with unfulfilled standards in dating relationships: Commitment, satisfaction, and closeness. *Journal of Social and Personal Relationships*, 25(5), 725–747. doi:10.1177/0265407508093783
- Aminah Ahmad, & Noryati Ngah. (2011). Impact of Dispositional Factors and Work-Family Conflict on Job Satisfaction among Single Mother Employees. *American Journal of Applied Sciences*, 8(11), 1107–1115.
- Arcuri, A. (2013). Dyadic perfectionism, communication patterns and relationship quality in couples. University of Windsor.
- Barbarin, O. A., Hughes, D., & Chesler, M. A. (1985). Stress, coping, and marital functioning among parents of children with cancer. *Journal of Marriage and the Family*, 47(2), 473–480. doi:10.2307/352146
- Birditt, K. S., Brown, E., Orbuch, T. L., & McIlvane, J. M. (2010). Marital Conflict Behaviors and Implications for Divorce over 16 Years. *Journal of Marriage and Family*, 72(5), 1188–1204. doi:10.1016/j.micinf.2011.07.011.Innate
- Bodenmann, G. (2005). Dyadic Coping and Its Significance for Marital Functioning. *Couples Coping With Stress: Emerging Perspectives on Dyadic Coping*, (September), 33–49. doi:<http://dx.doi.org.ezproxy.lib.ryerson.ca/10.1037/11031-002>
- Bodenmann, G., Meuwly, N., & Kayser, K. (2011). Two Conceptualizations of Dyadic Coping and Their Potential for Predicting Relationship Quality and Individual Well-Being. *European Psychologist*, 16(4), 255–266. doi:10.1027/1016-9040/a000068
- Cattell, R. B., Eber, H. W., & Tatsuoka, M. M. (1970). Handbook for the sixteen personality factor questionnaire (16 PF). Institute for Personality and Ability Testing.
- Dunkley, D. M., Sanislow, C. A., Grilo, C. M., & McGlashan, T. H. (2006). Perfectionism and depressive symptoms 3 years later: negative social interactions, avoidant coping, and perceived social support as mediators. *Comprehensive Psychiatry*, 47(2), 106–115. doi:10.1016/j.comppsych.2005.06.003
- Frost, R. O., Marten, P., Lahart, C., & Rosenblate, R. (1990). The dimensions of perfectionism. *Cognitive Therapy and Research*, 14(5), 449–468.
- Habke, A. M., Hewitt, P. L., & Flett, G. L. (1999). Perfectionism and Sexual Satisfaction in Intimate Relationships. *Journal of Psychopathology and Behavioral Assessment*, 21(4), 307–323.
- Hamachek, D. E. (1978). Psychodynamics of normal and neurotic perfectionism. *Psychology: A Journal of Human Behavior*, 15(1), 27–33.
- Herzberg, P. Y. 2013. Coping in relationships: the interplay between individual and dyadic coping and their effects on relationship satisfaction. *Anxiety, Stress & Coping*, 26(2), 136–153. doi:10.1080/10615806.2012.655726
- Hewitt, P. L., & Flett, G. L. (1991). Perfectionism in the self and social contexts: Conceptualization, assessment, and association with psychopathology. *Journal of Personality and Social Psychology*, 60(3), 456–470.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). Statistik Perceraian (Plaintif\_Defendant) Mengikut Umur 2004-2014.
- Larijani, R., & Besharat, M. A. (2010). Perfectionism and coping styles with stress. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 5(2), 623–627. doi:10.1016/j.sbspro.2010.07.154
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). Stress, Appraisal, and Coping. New York: Springer Publishing Company.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2013). Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011.

- Liang-Jei Lee. (1994). Personal, Social Support, and Marital Variables Related to Marital Coping Behaviors. *Journal of Education and Psychology*, 17, 391–424.
- Martin, J. L., & Ashby, J. S. (2004). Perfectionism and Fear of Intimacy: Implications for Relationships. *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families*, 12(4), 368–374. doi:10.1177/1066480704267279
- Noble, C. L., Ashby, J. S. & Gnilk, P. B. 2014. Multidimensional Perfectionism, Coping, and Depression: Differential Prediction of Depression Symptoms by Perfectionism Type. *Journal of College Counseling*, 17(1), 80–94.
- Park, H., Paul Heppner, P. & Lee, D. 2010. Maladaptive coping and self-esteem as mediators between perfectionism and psychological distress. *Personality and Individual Differences*, 48(4), 469–474. doi:10.1016/j.paid.2009.11.024
- Redhwan Ahmed Al-Naggar, Yuri V Bobryshev, & Mustafa Alabsi. (2013). Perfectionism and Social Anxiety among University Students in Malaysia. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 14(1), 51–58.
- Sangeeta Banerjee, & Jayanti Basu. (2014). Personality Factors, Attachment Styles and Coping Strategies in Couples with Good and Poor Marital Quality. *Psychological Studies*, 59(1), 59–67.
- Sherry, S. B., Sherry, D. L., Macneil, M. a., Smith, M. M., Mackinnon, S. P., Stewart, S. H., & Antony, M. M. (2014). Does socially prescribed perfectionism predict daily conflict? A 14-day daily diary study of romantic couples using self- and partner-reports. *Personality and Individual Differences*, 61-62, 1–4. doi:10.1016/j.paid.2013.12.028
- Slaney, R. B., Ashby, J. S., & Trippi, J. (1995). Perfectionism: Its Measurement and Career Relevance. *Journal of Career Assessment*, 3(4), 279–297.
- Stoeber, J., & Otto, K. (2006). Positive conceptions of perfectionism: Approaches, evidence, challenges. *Personality and Social Psychology Review*, 10, 295–319.
- Tam, C. L., Lee, T. H., Foo, Y. C., & Lim, Y. M. (2011). Communication Skills, Conflict Tactics and Mental Health: A Study of Married and Cohabiting Couples in Malaysia. *Asian Social Science*, 7(6), p79. doi:10.5539/ass.v7n6p79
- Weiner, B. A. & Carton, J. S. 2012. Avoidant coping: A mediator of maladaptive perfectionism and test anxiety. *Personality and Individual Differences*, 52(5), 632–636. doi:10.1016/j.paid.2011.12.009
- Wunderer, E., & Schneewind, K. A. (2008). The relationship between marital standards, dyadic coping and marital satisfaction. *European Journal of Social Psychology*, 38, 462–476. doi:10.1002/ejsp